



جامعة
Teknologi
MARA
UNIVERSITI

PROFIL

Universiti Teknologi MARA



جامعة
هندسة
علوم
تقنية
مara
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

FALSAFAH, VISI, MISI, OBJEKTIF & MOTO

FALSAFAH UiTM

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

VISI UiTM

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI UiTM

Memperingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

OBJEKTIF AKADEMIK UiTM

- Menyediakan peluang maksimum kepada kaum bumiputera bagi mengikuti pendidikan bertaraf profesional dalam bidang sains, industri, teknologi, perdagangan, seni dan kemasyarakatan.

- Menyediakan program pengajaran yang berkualiti dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran dan pelanggan di samping mendukung dasar pembangunan negara.
- Mewujudkan program pembangunan kemanusiaan sebagai alat menerapkan sistem nilai di kalangan masyarakat UiTM.
- Memastikan produk UiTM bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan, malah juga bersedia berkhidmat di peringkat global.
- Menjadikan UiTM sebuah organisasi cemerlang yang dapat menjamin pengurusan sumber manusia, kewangan dan harta benda yang berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat pendidikan UiTM serta memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat.

MOTO UNIVERSITI

"USAHA, TAQWA, MULIA"



1956

DEWAN
LATEHAN
RIDA



1965

MAKTAB
MARA



1967

INSTITUT
TEKNOLOGI
MARA



1996

INSTITUT
TEKNOLOGI
MARA

Pindaan Akta
173 ITM
Memberi Kuasa
Menganugerahkan
Ijazah Sehingga
Peringkat PhD



1999

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Perkembangan Universiti Teknologi MARA

LATAR BELAKANG SEJARAH (1956, 1965, 1967, 1999)

UiTM nyata lebih segar diingati dengan penubuhannya sebagai Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967. Institut ini merupakan cetusan hasil para pemimpin Malaysia yang penuh visi, terutamanya bekas Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak. Sepanjang era beliau sebagai 'Bapa Pembangunan', salah satu misi negara memberi fokus terhadap usaha untuk membangunkan taraf sosioekonomi kaum bumiputera di negara ini. Allahyarham Tun Abdul Razak telah meletakkan batu asas pembinaan kampus di atas tanah yang berukuran 300 ekar luasnya di Shah Alam tanggal 14 Oktober 1967. Ia merupakan visi Allahyarham Tun untuk menjadikan ITM sebagai katalis bagi menjana kesemua sumber yang ada dan melahirkan serta melipat gandakan jumlah graduan bumiputera yang terlatih dan berkelayakan bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi malah di dalam bidang-bidang yang lain. Walaupun kini memegang status universiti, adalah mustahil untuk melupakan setiap detik permulaan institusi ini. Lakaran sejarah UiTM bertitik tolak pada tahun 1956 dengan tertubuhnya Dewan Latehan RIDA.

DEWAN LATEHAN RIDA (1956-1965)

Penubuhan Dewan Latehan RIDA ditubuhkan ekoran hasil lawatan ke Ceylon (kini Sri Lanka) untuk program pembangunan dalam negeri pada tahun 1951. Satu kertas kerja lawatan tersebut yang mengandungi tentang penubuhan RIDA dan objektifnya untuk membangunkan serta meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar telah dikemukakan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Industri mempunyai dua pusat utama di bawah naungannya iaitu Taman Asuhan RIDA (Kuala Lumpur) dan Dewan Latehan RIDA (Petaling Jaya). Dewan Latehan RIDA mula beroperasi pada bulan November 1956 dan dirasmikan oleh Menteri Perdagangan dan Industri pada 14 Oktober 1957. Beberapa kursus profesional yang ditawarkan oleh badan antarabangsa seperti London Chamber of Commerce, Australian Chartered Secretaries, Australian Society of Accountants dan British Institute of Management telah ditawarkan di Dewan Latehan RIDA. Pada tahun 1964, Dewan Latehan RIDA telah melangsungkan majlis konvokesyen yang pertama dan telah menyaksikan seramai 50 orang graduan dianugerahkan sijil oleh YAB Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu.

MAKTAB MARA (1965-1967)

Dewan Latehan RIDA telah ditukar nama kepada Maktab MARA pada bulan Jun 1965. Menurut YAB Tun Abdul Razak, pertukaran nama ini adalah bertujuan untuk memberi nafas baru dan aspirasi kepada pusat latihan itu sendiri. Pertukaran ini juga menandakan yang institusi ini bukan lagi di bawah bidang kuasa RIDA, sebaliknya menjadi sebuah unit penting bagi Bahagian Latihan MARA.

MARA, nama singkatan bagi Majlis Amanah Rakyat telah mengambil alih institusi ini dan mengukuhkan lagi peranan dan tanggungjawab RIDA. Pada tahun 1966, apabila British Institute of Management memansuhkan penawaran peperiksaan jarak jauh atau "External Exams", kolej MARA mula menjalankan program Diploma Pengajian Perniagaan yang tersendiri. Program tersebut telah mendapat pengiktirafan antarabangsa oleh Ealing Technical College of London yang turut menjadi pemeriksa luar.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA (1967-1999)

Hasil daripada kajian dan penyelidikan yang diusahakan oleh kerajaan dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1965 menyatakan bahawa negara menghadapi masalah kekurangan pekerja terlatih pada tahap profesional dan separa profesional di kalangan bumiputera. Bagi mengatasi masalah ini, 300 ekar tanah di Shah Alam telah diluluskan untuk menjadi tapak kampus kolej MARA. Pada 14 Oktober 1967, batu asas bagi pembinaan kampus telah diletakkan oleh YAB Tun Abdul Razak dan dengan itu, nama Maktab MARA secara rasminya ditukar kepada Institut Teknologi MARA (ITM).

Pembangunan ITM dalam tempoh tahun-tahun tersebut dikatakan berkembang pesat akibat perkembangan program pembelajarannya, yang sejajar dengan peningkatan keperluan tenaga kerja pada masa itu. Pelbagai bidang kursus mendapat hasil kerjasama dengan institusi antarabangsa dan ITM telah menawarkan program-program Diploma lanjutan setaraf dengan program Ijazah.

Pembangunan ITM boleh dilihat dalam jangka masa tiga fasa yang merangkumi tempoh selama 32 tahun secara keseluruhannya. Fasa yang pertama (1967-1976) khusus kepada pendeklarasian ITM sebagai satu badan bebas yang memiliki kampus seluas 300 ekar di Shah Alam dan diletakkan di bawah penjagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Fasa yang kedua (1976-1996) memperlihatkan ITM dengan kemampuannya di dalam bidang pengajian tinggi. Ia telah membawa kepada pelepasan Akta ITM 1976 yang menempatkan ITM di bawah Kementerian Pendidikan. Fasa yang ketiga (1996-1999) mengambil tempat berikutnya dari keputusan pindaan Akta 1976 yang meletakkan ITM setaraf dengan universiti-universiti lain di dalam negara. ITM telah dimandatkan dengan kuasa penuh beroperasi sebagai sebuah universiti namun kekal dengan nama asalnya sehingga tahun 1999. Berikut adalah penukaran yang telah dibuat:

1. Badan pentadbiran ITM, iaitu Majlis ITM telah ditukar kepada Lembaga Pengarah dengan pembabitan lebih ramai perwakilan dari sektor swasta;

2. Ahli Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk menggubal kaedah bagi pihak institut;
3. Senat telah ditubuhkan;
4. Ramai ketua pegawai ITM mengalami proses pertukaran lantikan. Pengarah ditukar kepada Rektor, Ketua Pegawai kepada Provos, manakala Ketua dan Pensyarah Senior ditukar kepada Profesor dan Profesor Madya;
5. Setiap kajian diberi nama Fakulti;
6. ITM diberi kuasa untuk menganugerahkan Ijazah kedoktoran;
7. ITM telah diberi keistimewaan untuk menubuhkan kursus dan kampus cawangan di luar negara dengan kelulusan dari Kementerian Pendidikan;
8. ITM telah diberi kuasa tambahan untuk membolehkan ia menjalankan perniagaan, terlibat dalam pelaburan, menukuhan syarikat dan terlibat dalam penyelidikan berunsurkan komersial.
9. Kuasa disiplin di kalangan pegawai telah dipindahkan daripada Kementerian kepada Lembaga Pengarah,
10. Untuk memperbaiki akauntabiliti staf, ITM diberi kuasa untuk mengenakan surc妖;
11. Hak prosedur pelajar dalam sebarang pembicaraan mengenai perilaku dan disiplin diperketatkan. Ketika itu, ITM telah menubuhkan sebuah cawangan di setiap negeri. Kampus yang pertama dibina di Sabah pada tahun 1973 dan kampus yang terakhir adalah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada Jun 1999. Hampir kesemua kampus cawangan memulakan operasi di premis sementara, namun, penubuhan ini mempunyai strategi dan pelan yang teratur. Kini kesemua kampus cawangan telah berpindah ke lokasi tetap.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (26 Ogos 1999)

Pada 26 Ogos 1999, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pertukaran nama ITM kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Aspirasi UiTM adalah untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia serta menjadi universiti terbaik. Justeru itu, UiTM telah mendapat pengiktirafan ISO 9001:2000 pada 5 Ogos 2004 dan menjadi universiti pertama di dunia yang mendapat pensijilan keseluruhan yang meliputi pengurusan korporat, perkhidmatan sokongan, pengajaran dan pembelajaran.

UiTM sentiasa menumpukan kepada kecemerlangan akademik, inovasi, sosial, pengiktirafan antarabangsa, dan teknologi baru yang menyumbang kepada pembangunan industri dan negara. Ini semua dibuktikan melalui pencapaian dan anugerah yang dimenangi sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Antaranya ialah menawan puncak Everest, kejayaan memenangi pingat emas dalam pertandingan inovasi di Geneva, juara dalam pertandingan kereta solar, SIFE, menerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan dinobat sebagai Universiti Keusahawanan pada tahun 2012, 2013 dan 2015.

Sejajar dengan falsafah penubuhan UiTM, universiti ini sentiasa memberi peluang kepada pelajar-pelajar luar bandar untuk mengubah kehidupan keluarga dengan menawarkan tempat pengajian dalam program-program yang ditawarkan menerusi program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB). Ibarat sebuah perjalanan yang cukup panjang, dengan pahit manis cabaran yang ditempuhi dan tanpa disedari UiTM kini telah menjangkau 62 tahun menelusuri destini untuk menjana pembangunan dan sumbangan yang berterusan, terutama dalam memenuhi tuntutan negara demi memperbaiki ketidakseimbangan landskap sosioekonomi masyarakat.

1

UiTM Induk

13

UiTM Negeri

21

Kampus
Satelit

165,598

Mahasiswa

17,792

Staf

508

Program
Akademik

Data sehingga 2017

Hala Tuju Strategik RMKe-11 UiTM




Universiti Tersohor

Kampus Induk & Cawangan



KAMPUS UTAMA	1
KAMPUS NEGERI	13
KAMPUS SATELIT	21
JUMLAH	35



Pejabat

1. Bahagian Canseleri & Komunikasi Korporat
2. Pejabat Pendaftar
3. Pejabat Bendahari
4. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)
5. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)
6. Pejabat Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN)
7. Bahagian Pengambilan Pelajar
8. Pejabat Penasihat Undang-undang
9. Pusat Perancangan & Maklumat Strategik (CSPI)
10. Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Fasiliti
11. Jabatan Infostruktur
12. Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa (OIA)
13. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)
14. Bahagian Penilaian Akademik
15. Bahagian Audit Dalam
16. Penerbit UiTM
17. Polis Bantuan UiTM
18. Unit Integriti
19. Unit Pengurusan Risiko
20. Pejabat Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB)
21. Pusat Kesihatan

Institut & Pusat

1. Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)
 - a. Research Innovation Business Unit (RIBU)
 - b. Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
 - c. Komuniti Penyelidikan UiTM (CoRe)
 - d. HiCoE dan CoE
2. Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD)
3. Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
4. Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)
5. Institut Pemikiran & Kepimpinan Melayu (IMPAK)
6. Institut Pengajian ASEAN & Ehwal Global (INSPAG)
7. World Islamic Economic Forum Foundation (WIEF) UiTM

Maklumat Staf



BIDANG	BIL. STAF AKADEMIK
BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI (S&T)	4,479
BUKAN BIDANG S&T	4,293
JUMLAH	8,772

Nisbah

Staf Akademik S&T	:	Staf Akademik bukan S&T
51	:	49

Bilangan Staf Akademik mengikut Jawatan

Jawatan	Bil.	Peratus (%)
Profesor	140	1.6%
Profesor Madya	658	7.5%
Pensyarah Kanan	4,486	51.1%
Pensyarah	3,302	37.7%
Pensyarah Muda	65	0.7%
Penolong Pensyarah	121	1.4%
Jumlah Besar	8,772	100.00%

Fakulti & Pusat Akademik

GUGUSAN SAINS & TEKNOLOGI

1. Fakulti Perubatan
2. Fakulti Farmasi
3. Fakulti Pergigian
4. Fakulti Sains Kesihatan
5. Fakulti Kejuruteraan Awam
6. Fakulti Kejuruteraan Elektrik
7. Fakulti Kejuruteraan Kimia
8. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
9. Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
10. Fakulti Sains Gunaan
11. Fakulti Sains Komputer dan Matematik
12. Fakulti Perladangan & Agroteknologi
13. Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi

GUGUSAN PENGURUSAN & PERNIAGAAN

1. Fakulti Perakaunan
2. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
3. Fakulti Pengurusan Maklumat
4. Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan
5. Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS)


GUGUSAN SAINS KEMASYARAKATAN & SAINS SOSIAL

1. Fakulti Undang-Undang
2. Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
3. Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
4. Fakulti Pendidikan
5. Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
6. Fakulti Muzik
7. Fakulti Filem, Teater dan Animasi
8. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
9. Akademi Pengajian Bahasa (APB)

PUSAT AKADEMIK


1. Institut Pendidikan Neo (InED)
2. Institut Pengajian Siswazah (IPSiS)
3. Pusat Pengajian Asasi (CFS)
4. Akademi Kepolisian UiTM-PDRM

Jumlah Program Akademik





	Program Akademik S&T	Program Akademik bukan S&T	Jumlah
Bilangan	281	227	508
Nisbah	55	:	45

Pengiktirafan Program Profesional



Taburan Mahasiswa Sepenuh Masa Mengikut Gugusan Fakulti

Jumlah keseluruhan Pelajar UiTM sepenuh masa adalah seramai 148,776 orang



Nota: Enrolmen pelajar pada sesi 1, 2017/2018

Maklumat Enrolmen

Nisbah peringkat pengajian
Enrolmen sepenuh masa

52%
Diploma

45%
Sarjana Muda

3%
Pascasiswazah

Nisbah gugusan
Enrolmen sepenuh masa

51.3%
Sains & Teknologi

48.7%
Selain Sains & Teknologi

Nisbah staf kepada pelajar
Enrolmen sepenuh masa

1
Akademik

1
Pentadbiran


17
Enrolmen
Sepenuh Masa

Nisbah jantina
Enrolmen sepenuh masa

1
Lelaki

1.9
Perempuan

Nota: Enrolmen pelajar pada sesi 1, 2017/2018



Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvolesyen

Trend pencapaian
2016 | **82.9%**
2017 | **84.4%**

Peningkatan Pencapaian
2017 berbanding 2015


10.2% 

Melebihi
6.0%

dari pencapaian peringkat nasional pada tahun 2017

Pencapaian April 2018

mengikut peringkat pengajian



2 tahun

berturut mencapai sasaran 80% sejak 2016



Menyumbang sebanyak
33.9%


Pasaran tenaga kerja negara tahun 2016

Sumber data : Kementerian Pendidikan Tinggi

Peratus graduan yang menjadi usahawan pada tahun konvokesyen

Trend pencapaian	2016	3.1%
	2017	3.2%

Pencapaian April 2018 mengikut peringkat pengajian



Pemenang Entrepreneurial
Public University of the Year
3 tahun

berturut bagi tahun 2012, 2013 dan 2015



Menyumbang
30.4%

pencapaian siswazah bekerja sendiri
di peringkat nasional pada tahun 2016

Pusat Kecemerlangan


HiCoE

Accounting Research Institute (ARI)

CoE

1. Institute of Science (IOS)
2. Atta-ur-Rahman Institute for Natural Products Discovery (AuRIns)
3. Institute of Pathology, Laboratory & Forensic Medicine (I-PPerForM)
4. Institute of Infrastructure Engineering & Sustainability Management (IIESM)
5. Microwave Research Institute (MRI)
6. Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)
7. Institute of Business Excellence (IBE)
8. Malaysia Institute of Transport (MITRANS)


Pencapaian Penyelidikan UiTM 2014-2018



Output Penyelidikan UiTM 2014-2018



Komuniti Penyelidikan UiTM (CoRe)



Penarafan

1. Kedudukan ke-**751-800** Dunia
2. Kedudukan ke-**158** Asia
3. Kedudukan ke-**12** Malaysia



Penarafan 4 Bintang



TOP 200

- ▶ Accounting and Finance
- ▶ Architecture / Built Environment

TOP 300

- ▶ Agriculture & Forestry
- ▶ Pharmacy & Pharmacology
- ▶ Engineering - Chemical
- ▶ Engineering - Mechanical
- ▶ Engineering - Electrical & Electronic
- ▶ Education
- ▶ Business Management & Studies

TOP 500


- ▶ Chemistry
- ▶ Medicine
- ▶ Computer Science & Info Systems



Penarafan 5 Bintang

Jaringan Industri dan Universiti

as of 18 MAY 2018



Pengantarabangsaan

AFRICA	7. Institut Teknologi Bandung 8. Institut Teknologi Bandung 1. National School of Public Relations 10. Merdeka University of Malang 11. Pascasarjana University, Bandung 12. STMIK AMIKOM 13. Universitas Abulyata 14. Universitas Ahmad Dahlan 15. Universitas Airlangga 16. Universitas Andalas 17. Universitas Bakrie 18. Universitas Buana Perjuangan Karawang 19. Universitas Bung Hatta Padang 20. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim 21. Universitas Islam Riau 22. Universitas Lancang Kuning 23. Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS) 24. Universitas Negeri Semarang 25. Universitas Pendidikan Indonesia 26. Universitas Sumatera Utara 27. Universitas Syiah Kuala 28. Universitas Tanjungpura 29. Universitas Wiraraja 30. University of Indonesia	7. Kyushu Institute of Technology 8. Kyushu Institute of Technology Korea 9. Matsuyama Shinonomae College 10. Nagoya University of Technology 11. National Institute of Technology 12. National Institute of Technology 13. National Institute of Technology 14. Shibaura Institute of Technology 15. Tokyo Denki University 16. Tokyo University of Agriculture and Technology	7. Prince of Songkla University 8. Prince of Songkla University 9. Rajamangala University of Technology Rattanakosin 10. Thepstarai Rajabhat University 11. University of Phayao 12. Walailak University	1. The Miguel Hernandez University of Elche United States of America
Egypt	1. National Research Institute of Astronomy and Geophysics			1. Technical University of Liberec 2. University of West Bohemia
Morocco	1. Mohammed VI Polytechnic University			1. Abdullah Gul University 2. Amasya University 3. Fatih University 4. Gaziosmanpasa University 5. Istanbul Aydin University 6. Kastamonu University 7. Ondokuz Mayıs University (Mevlana Exchange Protocol) 9. Trakya University (Mevlana Exchange Protocol)
ASIA	1. Universiti Islam Sultan Sharif Ali	Korea	1. Catholic University of Daegu 2. Hanyang University 3. Kangwon National University 4. Korea Institute of Sport Science 5. Korea University 6. University of Suwon 7. Woosong University	1. The International anti-corruption academy
Bangladesh	1. Military Institute of Science and Technology	Vietnam	1. Ho Chi Minh University of Fine Arts	1. Katholieke Universiteit Leuven
China	1. Beijing Union University	Philippines	1. Colegio De San Juan De Letran Manila 2. University of Perpetual Help System Dalta	1. University of National and World Economy
India	1. Indian Institute of Technology, Roorkee 2. Jawaharlal Nehru University 3. O.P. Jindal Global University 4. Sambhram Group of Institutions 5. Sikkha O Anusandhan University	Republik of Uzbekistan	1. Tashkent State Technical University	1. Fachhochschule Frankfurt am Main 2. Hochschule Hannover-University of Applied Sciences and Arts(Erasmus+ Programme) 3. Universitat Stuttgart
Iran	1. Isfahan University of Technology	Thailand	1. Asian Institute of Technology 2. Chulalongkorn University 3. Hayati University 4. Kasetsart University 5. Mahidol University 6. Naresuan University	1. Institute of Technology Tallaght
Japan	1. Bunkyo Gakuin University 2. Gunma University 3. Institute of National Colleges of Technology 4. International Center for Space Weather Science And Education (ICSWSE), Kyushu University 5. Kanazawa Technical College 6. Kyushu Institute of Technology	Russia	1. Opole University of Technology	1. Heriot-Watt University 2. Liverpool John Moores University 3. Oxford Brookes University of Education and Development (OAEED) Oxford 4. Queen Mary University of London 5. University of Birmingham 6. University of Sussex 7. University of Teesside
Indonesia	1. Akademi Komunikasi Radja Binatama Yogyakarta (AKRB) 2. BINUS University 3. Indonesia Banking School 4. Institut Agama Islam Negeri Mataram 5. Institut Seni Budaya Indonesia (ISBI) 6. Institut Seni Indonesia, Surakarta	Spain	1. Volgograd State Medical University	1. University of Calgary 2. University of Lethbridge
				NORTHERN AMERICA
				Canada
				1. University of Alberta
				1. University of British Columbia
				1. University of Calgary
				1. University of Lethbridge
				OCEANIA
				Australia
				1. Queensland University of Technology
				2. Royal Melbourne Institute of Technology
				3. Swinburne University of Technology
				4. The University of Western Australia
				5. University of New England
				6. University of Wollongong
				New Zealand
				1. Auckland Institute Of Studies

Ikon Alumni UiTM

Jumlah keseluruhan graduan UiTM sehingga Oktober 2018 adalah seramai 792,758 orang



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Hamad Kama Piah Che Othman
Anugerah Ikon Alumni
Pencapaian Profesional



YBhg. Datuk Kamarudin Meranun
Anugerah Ikon Alumni
Keusahawanan



En. Awang Damit Ahmad
Anugerah Ikon Alumni
Budaya



En. Wan Nazri Wan Aria
Anugerah Ikon Alumni Muda




En. Muhammad Muqarrabbin Mokhtaruddin
Anugerah Ikon Alumni Sukan
dan Rekreasi



En. Norazam Abu Samah
Anugerah Ikon Alumni
Kemanusiaan


Peranan UiTM dalam mengurangkan kadar kemiskinan



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Impak Kepada Ekonomi Negara

Limpahan ekonomi kepada kawasan 5 km radius dari kampus



Sumber : Kajian Impak Ekonomi UiTM

Antara bandar yang mendapat manfaat

- Arau
- Merbok
- Bukit Mertajam
- Sri Iskandar
- Shah Alam
- K. Pilah



UiTM Holdings Sdn Bhd

UiTM Holdings Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan milik penuh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Objektif utama UiTM Holdings adalah untuk mewujudkan nilai mampan dan memanfaatkan kepakaran serta aset dalaman. Ia bertindak sebagai entiti penghubung yang diberi mandat untuk menjana pendapatan kepada Universiti Teknologi MARA, di samping mewujudkan peluang pelaburan dan meningkatkan kedudukan strategik bagi semua perniagaan terasnya. Ditubuhkan pada 5 Jun 2007, UiTM Holdings Sdn Bhd kini mengurus 15 buah anak syarikat termasuk:

1. UiTM Hospitality Management Sdn Bhd (INTEKMA Resort & Convention Centre)
2. UiTM Private Healthcare Sdn Bhd
3. UiTM Private Education Sdn Bhd (INTEC Education College)
4. UiTM Art & Design Sdn Bhd (Segaris Art Center)
5. AKARI Software Asia Pacific Sdn Bhd
6. MYREN Network Sdn Bhd
7. Section One Sdn Bhd
8. UiTM Energy & Facilities Sdn Bhd
9. UiTM Solar Power Sdn Bhd
10. UiTM Solar Power Dua Sdn Bhd
11. UiTM Technology Centre Sdn Bhd
12. FiTA Studios Sdn Bhd
13. Advertising Lab Sdn Bhd
14. UiTM Innovation Sdn Bhd
15. UiTM Talent Cloud Sdn Bhd

Laman Web Rasmi:
www.uitmholdings.com

INTEC Education College



INTEC adalah sebuah pusat pendidikan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1982 (dahulunya dikenali sebagai KPP/PPP). Berpengalaman selama 36 tahun, INTEC menawarkan pelbagai program prauniversiti untuk pelajar lepasan SPM/IGCSE/O-level melanjutkan pelajaran ke luar negara. Kini, INTEC juga turut menawarkan pelbagai program Diploma, Perakaunan Profesional serta Kursus Pendek dalam pelbagai bidang.

INTEC telah memperolehi anugerah status Platinum terpantas dan menduduki tempat pertama ACCA di dunia. Selain itu, pelajar INTEC juga berjaya mencapai keseluruhan 30% melebihi kadar kelulusan dunia untuk program CAT dan ACCA.

Kursus yang ditawarkan di INTEC:

Diploma

1. Diploma Pengurusan Perniagaan
2. Diploma Pengurusan Awam dan Tadbir Urus
3. Diploma Amalan Halal Saintifik

Perakaunan Profesional

1. The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) (UK)
2. Certified Accounting Technician (CAT)
3. Certificate in Business Accounting (Cert BA)

Prauniversiti

1. SACE International
2. A-Level German Programme
3. A-Level Programme
4. American Degree Transfer Program (ADTP)
5. Kursus Persediaan Jepun (Sains)
6. Kursus Persediaan Jepun (Non-Sains)
7. Kursus Persediaan Korea
8. Kursus Persediaan Korea (Animasi / Jurutera / IT)

Kursus Jangka Pendek i-Speak (Kelas Bahasa Asing)

1. Bahasa Jepun
2. Bahasa Korea
3. Bahasa Arab
4. Bahasa Perancis
5. Bahasa German



Congratulations

Universiti Teknologi MARA



Reader's Digest Trusted
Brand 2018

Gold AWARD

•Public University Category



Congratulations

UiTM Chamber Choir

UiTM Women's Choir

- 1st Prize
- Special Prize
(Outstanding Performance & Highest Scores)

UiTM Men's Choir

- 1st Prize

UiTM Mixed Choir

- Gold Diploma

at
**Musica Eterna Roma International
Choir Festival & Competition
Rome, Italy**



Congratulations
Universiti Teknologi MARA

Ranked 1st

- Emerald Publishing Award
High Usage Worldwide
- 7 consecutive years 2011-2018
- 1,143,941 articles dowloaded
in 2017

Ranked no. 3

- High Research Output
by 66 authors in 2017



Permata kebanggaan... UiTM di persada UiTM Global



UiTM di hatiku



UIIMSAT-1
1ST MALAYSIAN
PUBLIC UNIVERSITY
NANOSATELLITE
IN SPACE

by
Faculty of
Electrical Engineering

UiTM-AV1

1ST Malaysian
Public University
Autonomous Vehicle

**MALAYSIA'S 1ST
ROBOTIC
TONSILLECTOMY
SURGERY**

performed by
Faculty
of Medicine

**TOP 10
MOST INFLUENTIAL
WOMEN IN ISLAMIC
FINANCE 2018**

recipient
Prof. Dr
Normah Omar


**SMART CHALLENGE FUND
(SMART FUND)
PRE COMMERCIALISATION
GRANT**
RM 2,995,136.00

recipient
Dr Ahmad
Faiza Mohd



KE-6 DUNIA

NURUL NABILAH BINTI ABDUL JALIL
ACCA PRIZE WINNER
TEMPAT KE-6 DUNIA DAN
PERTAMA DI MALAYSIA
BAGI PAPER P2
CORPORATE REPORTS
Peperiksaan Jun 2016



ANTARTIKA

DR. MOHAMAD HUZAIMI JUSOH
KETUA EKSPEDISI
 PENYELIDIKAN
ANTARTIKA MALAYSIA 2016



JUARA ASIA

KAHIRULNIZAM MOHD AFENDY
MENJUARAI PINGAT EMAS
LASER STANDARD LELAKI
PADA KEJOHANAN
PERAHU LAYAR ASIA
(ASAF)



JUARA ASIA

MOHD MIFZAL MOHD MURSHID
& JASMINE HO ABDULLAH
PEMENANG PERTAMA
KEJOHANAN DEBAT
ANTARA UNIVERSITI
CAMBRIDGE



MALAYSIA RISING STAR

NORLIANA MOHD ABbas
PENERIMA ANUGERAH
MALAYSIA RISING STAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TINGGI

Jumlah Sijasi di tahap 1%
teratas peringkat
global



WINNER

The International Innovation and
Entrepreneurship Teaching
Excellence Awards 2017

PARIS, FRANCE



MUHAMMAD SHAHMEER
MOHD NASHRUL
▪ SECOND PLACE
OVERALL WINNER
▪ CHAMPION OF ASIA
▪ EXCELLENT
ELOQUENCE AWARD

The 16th World Chinese Bridge
Chinese Proficiency Competition
for Foreign College Students

CHANGSHA, HUNAN CHINA



JUARA

PIDATO
ANTARABANGSA
BAHASA MELAYU
PIALA PERDANA MENTERI 2017
(Kategori Alam Melayu)



WINNER OF 2 GOLD PRIZES

The 4th International Young
Inventors Award (IYIA) 2017

JAKARTA, INDONESIA



PROF. DR NOR HADIANI ISMAIL

Atta-ur-Rahman Institute
for Natural Product Discovery
(AuRins)

dilantik sebagai
**Top Research
Scientist Malaysia**
oleh
**Akadem Sains
Malaysia**



PROF. MADYA DR TAZUL IZAN TAJUDDIN

Fakulti Muzik

penerima

**Anugerah Seni
dan Kreativiti**

di

**Anugerah
Akademik Negara 2017**

oleh

**Kementerian Pendidikan
Tinggi Malaysia**



PROF. DR CATHERINE HO SOKE FUN

Arshad Ayub Graduate Business School

dianugerahkan

**Outstanding
National Research
Islamic Banking**

oleh

**Kementerian Pendidikan
Tinggi Malaysia dan
SCOPUS**



PROF. IR DR NORLIDA BUNIYAMIN

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

penerima

**Pingat Perkhidmatan
Cemerlang 2016**

oleh

**Kementerian Pendidikan
Tinggi Malaysia**



**Malaysia Institute
For Supply Chain
Innovation**

**MIT Master in
Supply Chain Management**

**Ranked n°1
in the world**
by

**The Eduniversal Best
Masters Ranking (2015-2016)**



**Accounting Research
Institute**

**Malaysia - Islamic Financial
Criminology Research Body
of the Year**

at

**ACQ
GLOBAL AWARDS
2015 / 2016**



**Amiza Murad (Captain)
Izzudin Zahidi
Fathan Alfian
Iffah Yahya**

Faculty of Law

**Third Place
at**

**Global Finals
Foreign Direct Investment
Moot 2016,
in Buenos Aires, Argentina**

First Place - Paris Bar Law School
Second Place - Harvard Law School



Faculty of Music

UiTM Women's Chorale

GOLD MEDAL

**1st Prize World Champion
at**

**Praga Cantat 2016
Prague, Czech Republic**

UiTM Chamber Choir

GOLD MEDAL

**2nd Prize World Champion
& Martin Foundation Special
Award for Performance**



We create employers

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UiTM di hatiku



Explore More In Detail
www.uitm.edu.my

UiTM believes in moulding holistic and dynamic individuals who are able to create a future for others too

UiTM nurtures captains of industries who are ready to steer the fourth industrial revolution and beyond as entrepreneurs and job creators

UiTM guarantees more than 70% of its graduates are employed within 6 months of graduation with a majority in the private sector and a sizeable number self employed



SIDANG REDAKSI

Penaung

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Projek

Firdaus Abd Hanan

Editor

Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Penyedia Bahan

Dr Ariff Md Ab Malik
Nur Syazwani Ahamad Azahari

Pereka Grafik

Mohd Noralis Mohd Sharif

Hubungi Kami



www.facebook.com/uitmrasmi
www.facebook.com/darilensakorporat



www.uitm.edu.my



@VCUiTM
@transUiTM



UiTM Di Hatiku

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Malaysia



+603-5544 2000
+603-5544 3999